

PERSEPSI BELIA PENAN TERHADAP ISLAM DI SARAWAK

AHMAD NASIR MOHD YUSOFF

ABSTRAK

Artikel ini cuba meneliti dan meninjau sejauh mana tanggapan atau persepsi¹ etnik Penan Bukan Islam di Bahagian Bintulu terhadap ajaran Islam. Secara amnya, kajian ini mempunyai dua tujuan utama iaitu mengkaji persepsi etnik Penan Bukan Islam terhadap ajaran Islam dan faktor yang mendorong minat kepada Islam, dan memperbetulkan persepsi masyarakat Penan Bukan Islam terhadap ajaran Islam. Tahap kefahaman etnik Penan terhadap Islam masih rendah disebabkan faktor geografi yang jauh, dan pergaulan dengan rakan-rakan bukan Islam disebabkan kedudukan rumah yang berdekatan dengan perkampungan Iban atau Melanau menjadi faktor kesukaran masyarakat Penan bukan Islam untuk memahami tentang ajaran, sumber dan intipati Islam sebenar. Di samping itu, kajian ini turut mengkaji persepsi mubaligh Kristian terhadap Islam dan organisasi dakwah yang kerap mengunjungi perkampungan Penan untuk mengetahui dan memahami senario salah faham terhadap Islam seolah-olah Islam itu agama yang bersifat ekstrem dan ganas. Hingga melahirkan persepsi negatif dan Islamphobia dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Sampel kajian ini meliputi perkampungan Penan Muslim Bt.10, Kg.Penan Yuh Suburbun Jaya, Kg.Penan Bt.12, Kg.Penan Bt 12 ½ dan Kg.Penan Suai. Seramai 136 responden etnik Penan Non Muslim telah dijadikan responden. Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan pakej program komputer iaitu SPSS versi 22.0 (analisis deskriptif dan inferensi) di samping penggunaan soal selidik, temubual dan observasi. Hasil analisis item mendapati etnik Penan Bukan Islam mempunyai tahap pemikiran positif terhadap ajaran Islam, pernah mendengar penggunaan istilah Islam dan dipengaruhi beberapa faktor positif yang menarik kefahaman terhadap ajaran Islam.

Kata Kunci : Persepsi, Penan Bukan Islam, Ajaran Islam, Bintulu, Persefahaman Agama

¹ Penyelidikan tentang persepsi dianggap suatu proses yang penting memandangkan persepsi ini dilihat oleh sasaran dakwah atau mad'u semasa proses pendakwaan berlangsung. Persepsi itu sendiri bermaksud tanggapan atau pandangan seseorang terhadap sesuatu objek yang boleh dipengaruhi oleh faktor luaran atau dalaman yang akan memberi kesan terhadap sasaran atau mad'u untuk bertindak terhadap objek tersebut. (Krech, Crutchfield & Ballachey, 1962: 140) Meskipun kajian tentang persepsi dianggap baru dalam disiplin ilmu Sains Sosial tetapi kajian tentang persepsi ini telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana pendidikan. (Farhana, Zamri Ariffin & Zainuddin, 2007: 27). Kajian ini akan cuba mengoreksi persepsi masyarakat Penan bukan Islam di Bahagian Bintulu terhadap penyebaran dan penerimaan Islam di kalangan ahli keluarga mereka sendiri.

ABSTRACT

This study attempts to examine and review the extent of the perceptions of the Non-Muslim Penan Iethnic in Bintulu Division on Islamic teachings. In general, this study has two main objectives of studying the Non-Muslim Penan ethnic perceptions on Islamic teachings and factors that drive interest in Islam, and correcting the perception of the Non-Muslim Penan community on Islamic teachings. The level of Penan ethnic understanding of Islam is still low due to distant geographical factors, and associations with Non-Muslims counterparts due to the close proximity of the Iban or Melanau villages that become a factor of difficulty to the Penan Muslim community to understand the true teachings, resources and essence of Islam. In addition, this study also examines the perceptions of Christian missionaries towards Islam and da'wah organizations who often visit the Penan villages to know and understand the misconceptions of Islam as if Islam is an extreme and violent religion to the extend of producing negative perceptions and Islamophobia among Non-Muslim communities. The sample of this study includes Penan Muslim Bt.10 village, Yuh Penan village Suburbun Jaya, Bt.12, Penan Village, Bt 12 ½ Penan Village and Penan Suai village. A total of 136 Non-Muslim Penan ethnic have been made as respondents. The data was analyzed using the SPSS version 22.0 computer programme package (descriptive and inference analysis) as well as the use of questionnaires, interviews and observations. The item analysis result found that Non-Muslim Penan ethnic have positive level of thinking on Islamic teachings,, had heard the use of Islamic terms and influenced some of the positive factors that attracted understanding of Islamic teachings .

Keywords: Perception, Penan Non Muslim, Islam, Bintulu, Religious Understanding

PENDAHULUAN

Artikel ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang melihat tanggapan awal etnik Penan Non Muslim terhadap Islam dan gambaran umum mereka tentang peranan yang dimainkan oleh badan-badan dakwah Bahagian Bintulu Sarawak. Antara organisasi dakwah yang bergerak aktif terdiri daripada badan-badan dakwah kerajaan dan NGO seperti Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) Bahagian Bintulu (Temubual Ustaz Khalifah b.Juli 2013.2 November), JAKIM menerusi Penggerak Masyarakat yang ditempatkan di JAIS Bahagian Bintulu (Temubual Siti Meriam Bt.Othman 2013. 30 November), Majlis Islam Sarawak (Temubual Hj.Taibi Abd kadir 2013, 15 April & 6 September), Institusi Masjid (Temubual Ustaz Aminuddin b.Anas 2013. 2 November), Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral (BPIM) (Temubual Ustaz Ubaidillah b.Abdul Hamid. 2013. 28 Oktober), HIKMAH (Temubual Ustaz Ismawi b.Ishak 2013 30 November), Madrasah al Qur'an (MAQ) (Temubual Ustaz Ali Fathullah Haron. 2013. 2 November), Madrasah Darul Ulum (MADU) (Temubual Tuan Hj.Hamdani b.Kasah. 2013. 2 November), Jemaah Islah Malaysia (JIM) (Temubual Mohamad Yacop b.Mohamad Junit. 2008. 4 November), Jemaah Tabligh (Temubual Yuh B.Menjuai. 2013 24, 25 & 29 Mac.), Bintulu Iqra' Centre (BIC) (Temubual Ustaz Sallehuddin b.Abu Samah. 2013. 30 Oktober), Persatuan

China Muslim Malaysia (MACMA) (Temubual Norhayati Bt.Abdullah. Hjh. 2013. 3 November), Guru-guru Pendidikan Islam dan J-QAF dan lain-lain. Seramai 136 responden daripada etnik Bumiputera² Penan Non Muslim³ telah dipilih sebagai sampel kajian di 5 buah perkampungan Penan yang terletak dalam Bahagian Bintulu Sarawak seperti Kg Penan Muslim Bt.10, Kg Penan Bt.12, Kg Penan Bt.12 ½, Kg Penan Yuh Suburbun Jaya dan Kg Penan Suai.

Persepsi Terhadap Badan-badan Dakwah

Jadual 1: Badan-badan Dakwah Bahagian Bintulu

	Bil.	Peratus
Cekap	9	6.6
Sederhana cekap	67	49.3
Tidak cekap	2	1.5
Tidak pasti	58	42.6
Jumlah	136	100

Merujuk kepada data kajian yang diperolehi, skor tertinggi responden menyatakan usaha badan-badan dakwah Bahagian Bintulu Sarawak dalam menyebarkan agama Islam atau berdakwah adalah sederhana cekap sebanyak 67 orang atau 49.3 %. Ia diikuti dengan skor responden yang menyatakan usaha badan-badan dakwah Sarawak dalam menyebarkan agama Islam atau berdakwah adalah tidak pasti iaitu 58 orang atau 42.6 %. Manakala responden yang menyatakan cekap sebanyak 9 orang atau 6.6 % dan tidak cekap sebanyak 2 orang sahaja (1.5 %). Walau bagaimanapun keseluruhan kajian menunjukkan seramai 76 orang (55.9 %) bersetuju menyatakan usaha-usaha badan dakwah setakat ini memang berperanan dalam menyebarkan agama Islam di Bahagian Bintulu Sarawak sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas. Di Bintulu terdapat banyak organisasi dakwah yang berperanan menjelaskan ajaran Islam, aktiviti dan hubungan antara kaum dengan merujuk kepada sumber rujukan al Qur'an dan hadis nabi saw. Penjelasan ini bukan sahaja melibatkan etnik-etnik Islam tetapi juga etnik bukan Islam dalam usaha memberi kefahaman tentang kedudukan ajaran Islam sebenar, menjaga keutuhan kaum dan mengeratkan hubungan antara ahli keluarga kerana ada antara ahli keluarga yang menerima dan menganut Islam meskipun kedua ibu bapa mereka masih berpegang dengan

² Bumiputera bererti sesuatu bangsa atau etnik peribumi yang merujuk penduduk asal sesebuah negara sebelum kedatangan penjajah. Di Malaysia ia merujuk kepada orang Melayu dan Orang Asli (Semenanjung Malaysia) dan kumpulan etnik-etnik yang menetap di Sarawak atau Sabah (Hassan Mat Nor. t.t.). Pribumi juga dimaksudkan kepada mereka yang berusaha mengembalikan tanah air daripada kuasa penjajah (Mohd Asri Suratman. 2000)

³ Suatu kelompok atau golongan manusia yang menganut selain daripada agama Islam seperti Kristian, Yahudi, Nasrani dan lain-lain kepercayaan dan berlawanan dengan istilah Muslim yang bermaksud berserah diri dan meletakkan taat setia hanya kepada Allah bukan kepada makhluk-makhluk lain seperti malaikat, binatang, cakrawala, batu batan dan lain. (Haron Din. 1990)

agama asal. Maka pandangan yang diterima menunjukkan badan-badan dakwah terutama daripada Jabatan Agama Islam Bintulu kerap terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan masyarakat Penan dan memberi sumbangan raya, makanan, buku-buku, pakaian, bantuan persekolahan anak-anak, melengkapkan dokumen daftar perkahwinan, tanpa mengira anutan dan budaya, yang kesemua ini menampakkan hubungan yang harmonis antara masyarakat Penan berbilang agama dengan jabatan dakwah tempatan.

Organisasi / Individu Yang Kerap Masuk Ke Perkampungan Penan

Jadual 2: Individu Yang Terlibat Dalam Dakwah Di Bahagian Bintulu

	Bil.	Peratus
Pegawai badan dakwah	3	2
Pasukan keselamatan	1	1
Pelajar universiti	1	1
Pendakwah Islam	21	16
Mubaligh Kristian	109	80
Jumlah	136	100

Berdasarkan Jadual 2 di atas dapat dilihat bahawa responden menyatakan meskipun mereka lebih kerap dikunjungi oleh mubaligh Kristian (80.0 %) dan masing-masing 1.0 % dikunjungi oleh pasukan keselamatan dan pelajar universiti, namun begitu sebanyak 16.0 % atau 21 orang yang menyatakan pendakwah Islam mengunjungi tempat mereka, dan 2 % atau 3 orang lagi adalah pegawai agama daripada badan dakwah Bahagian Bintulu Sarawak. Fenomena ini membuktikan ada usaha-usaha dakwah sama ada daripada badan-badan dakwah atau orang perseorangan yang berperanan menjelaskan intipati agama Islam kepada masyarakat Penan di Bahagian Bintulu Sarawak. Malahan dinyatakan juga kemasukan ahli mubaligh ke perkampungan Penan. Fenomena ini menunjukkan penerimaan masyarakat Penan tanpa mengira anutan menerima kemasukan orang luar sama ada dalam kalangan da'ie atau mubaligh Kristian dengan syarat keharmonian antara etnik Penan pelbagai agama difahami, diraikan bersama dan ahli keluarga tidak dipinggirkan. Ditambah lagi masyarakat Penan dikenali sebagai masyarakat yang peramah, mudah bekerjasama lantaran budaya dan didikan ibu bapa yang mempertahankan adat resam Penan terutama dalam aspek hubungan sesama ahli keluarga berlainan agama.

Persepsi Etnik Penan Terhadap Kandungan Ajaran Islam

Jadual 3: Persepsi Terhadap Islam

	Bil.	Peratus
Agama yang mengajar kebaikan	86	63
Sama dengan agama-agama lain	38	28
Anutan orang Melayu sahaja	4	3
Islam adalah agama yang susah	3	2
Lain-lain	5	4
Jumlah	136	100

Artikel ini juga mengenal pasti bentuk atau kecenderungan persepsi etnik Penan Bukan Islam terhadap kandungan ajaran Islam. Analisis mendapati lebih separuh daripada responden ini mempunyai persepsi yang positif terhadap kandungan ajaran Islam. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 86 orang atau 63 % responden Penan Bukan Islam menyatakan Islam adalah agama yang mengajar kebaikan. Manakala 38 orang atau 28 % pula menyatakan agama Islam adalah sama dengan agama-agama lain yang menunjukkan tidak ada apa-apa perbezaan. Hanya 4 orang atau 3 % dan 3 orang atau 2 % sahaja responden yang menyatakan Islam agama yang menjadi anutan orang Melayu sahaja dan agama yang sukar untuk difahami. Dapatan ini menunjukkan persepsi etnik Penan Bukan Islam yang positif terhadap Islam dan situasi ini boleh diambil perhatian oleh badan-badan dakwah untuk mendekati mereka serta memberi kefahaman yang jelas tentang Islam bahawa Islam itu adalah agama global bukan milik mana-mana bangsa atau kaum dan mudah dihayati. Jelas dapatan di atas mempamerkan tahap kefahaman masyarakat Penan terhadap intipati kandungan Islam yang baik. Faktor pergaulan dengan rakan sekerja berlainan agama terutama rakan atau ahli keluarga yang terlebih dahulu memeluk Islam, yang tetap menjaga hubungan kekeluargaan mengukuhkan lagi ikatan serta memudahkan masyarakat Penan memahami, mendalami, ajaran Islam yang mula diterima masyarakat Penan sebagai sebahagian amalan dalam kehidupan mereka.

Persepsi Penan Bukan Islam Terhadap Islam

Jadual 4: Persepsi Bukan Islam Terhadap Islam

	Bil.	Peratus
Pernah mendengar perkataan Islam	99	73
Agama Islam relevan dalam dunia moden	2	1
Islam adalah agama yang tidak bersifat konservatif dan primitif	29	21
Islam tidak menolak kekayaan dan ada larangan khusus	6	5
Jumlah	136	100

Dapatan kajian yang diperoleh pengkaji juga menunjukkan terdapat persepsi positif yang diberikan terhadap Islam oleh golongan Penan Islam termasuk persepsi mubaligh Kristian yang berada di perkampungan Penan. Sebahagian besar responden yang diajukan persoalan berkaitan persepsi dan pandangan missionari Kristian terhadap ajaran Islam, menyatakan para mubaligh pernah mendengar perkataan Islam sebanyak 73.0% responden atau 99 orang dan Islam juga pada pandangan mereka adalah agama yang tidak bersifat konservatif atau primitif sebanyak 21.0% responden atau 29 orang, sesuai untuk diamalkan di dunia moden ini sebanyak 1.0% atau 2 orang. Malahan ada sebahagian mereka yang menyatakan Islam ini tidak menolak kekayaan dan banyak larangan khusus seperti dalam isu pemakanan halal, perkahwinan dan lain-lain yang perlu dipatuhi oleh pengikutnya sebanyak 5.0% responden atau 6 orang. Dapatan ini boleh dijadikan sebagai cabaran kepada para pendakwah untuk menyampaikan Islam sebagai agama yang benar, bersungguh-sungguh dan meyakinkan.

Dalam hal ini, dapatan ini boleh dijadikan maklumat utama untuk para pendakwah berusaha bersungguh-sungguh bagi memperbetulkan persepsi mereka yang telah terbina selama ini dan seterusnya menzahirkan Islam sebagai agama fitrah yang bersesuaian sampai bila-bila masa dan tanpa mengira tempat. Penulis mendapati tidak menjadi apa-apa masalah dalam kalangan masyarakat Penan untuk membicarakan tentang Islam. Majoriti menyatakan Islam adalah agama yang membentuk nilai-nilai murni dan tidak memisahkan ikatan kekeluargaan serta boleh menjalani kehidupan sama seperti sebelum mereka (Penan atau ahli keluarga) memeluk Islam. Pandangan ini merupakan titik-titik positif yang wujud dalam masyarakat Penan bukan Islam berkaitan ajaran Islam dan ahli keluarga yang sudah ada atau mula mendengar, dan mempraktikkan Islam dalam kehidupan.

Persepsi Terhadap Faktor Tidak Berminat Terhadap Islam

Jadual 5: Punca Tidak Memahami Islam

	Bil.	Peratus
Ajaran Islam merumitkan	10	7.4
Tidak pernah diterangkan tentang Islam	21	15.4
Tidak tahu tentang Islam	32	23.5
Hanya menekankan aspek akhirat semata-mata	1	0.7
Tidak faham konsep Islam sebenar	6	4.4
Pegangan agama asal tebal	17	12.5
Awal memeluk Kristian	9	6.6
Etnik Islam tak mendekati mereka	4	2.9
Tidak pasti	36	26.5
Jumlah	136	100

Berdasarkan Jadual 5 di atas, data menunjukkan 26.5% responden Penan Bukan Islam menjawab tidak pasti apabila ditanya tentang punca mereka tidak memahami Islam. Mereka yang menjawab tidak tahu tentang Islam pula sebanyak 23.5%. Manakala 15.4% responden pula menyatakan mereka tidak pernah diterangkan tentang Islam, seterusnya 12.5% responden menjawab bahawa mereka masih kuat dipengaruhi oleh pegangan agama asal yang masih tebal. Manakala faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka tidak berminat dengan Islam seperti tidak pernah diajak memeluk Islam (15.4%), Islam adalah agama yang hanya menekankan aspek akhirat semata-mata (0.7%), tidak faham konsep Islam sebenar (4.4%), menganut Kristian lebih awal (6.6%) dan terdapat etnik Penan yang Islam atau etnik-etnik Islam tidak cuba mendekati mereka (2.9%). Rumusan awal dapat dinyatakan di sini bahawa tiga punca yang tertinggi iaitu tidak pasti (26.5%), tidak tahu (23.5%) dan tidak pernah diajak (15.4%) menunjukkan bahawa mereka tidak menolak apatah lagi membenci ajaran Islam. Jelas di sini, penulis mendapati, manamana agama yang dianuti masyarakat Penan di Bintulu sama ada Islam, Kristian dan agama asal (animisma) bukan faktor utama pertelingkahan kaum atau punca keretakan kesepaduan kaum tetapi sikap dan tingkah laku penganut itu sendiri yang tidak mahu mengamalkan nilai-nilai kebaikan yang diajar dalam agama masing-masing yang menjadi punca dan pencetus kekecohan kaum. Perasaan ingin tahu dan menghormati agama yang berbeza dalam masyarakat Penan pasti membina kehidupan yang harmonis ditambah dengan usaha-usaha yang dimainkan Ketua-ketua kaum, Ketua kampung dan pihak berkaitan.

Persepsi Terhadap Faktor Bahasa Dari Segi Penerimaan Islam

Jadual 6: Faktor Bahasa Halangan Utama untuk Menerima Islam

	Bil.	Peratus
Ya	72	52.9
Tidak	64	47.1
Jumlah	136	100

Berdasarkan Jadual 6 di atas, dapatan kajian menunjukkan responden yang bersetuju bahawa faktor bahasa menjadi halangan utama untuk mereka menerima ajaran Islam iaitu sebanyak 72 orang atau 52.9% mengatasi pandangan yang menolak faktor bahasa menjadi halangan utama untuk menerima Islam iaitu seramai 64 orang atau 47.1%. Ini menunjukkan kemahiran berbahasa golongan sasaran dakwah amat membantu dalam menjayakan aktiviti pendakwaan. Rata-rata masyarakat Penan bertutur dalam bahasa Penan, sama ada di antara ahli masyarakat kampung, di pasar-pasar dan di tempat-tempat kerja. Hanya yang bekerja di luar kawasan penempatan sahaja yang bertutur dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu Sarawak, Iban dan Melanau. Maka sewajarnya penguasaan bahas tempatan penting dalam usaha menterjemahkan ajaran Islam sebenar serta mudah disampaikan dan difahami, baharulah suasana kehidupan akan lebih baik kerana keupayaan pihak

berwajib mempelajari bahasa Penan dan berhubung dengan masyarakat Penan yang memang menggunakan bahasa dialek Penan mereka.

Persepsi Terhadap Masalah Yang Mungkin Timbul Jika Memeluk Islam

Jadual 7: Masalah Bakal Dihadapi Jika Memeluk Islam

	Bil.	Peratus
Hubungan dengan keluarga akan renggang	55	40.4
Kehilangan kerja	17	12.5
Sukar bergaul dengan orang Islam	4	2.9
Gagal berikan contoh terbaik	9	6.6
Tidak mahir Bahasa Melayu	7	5.1
Tidak pasti	44	32.4
Jumlah	136	100

Berdasarkan Jadual 7 di atas menunjukkan responden yang menyatakan bahawa masalah yang bakal mereka hadapi jika memeluk Islam, hubungan dengan ahli keluarga akan renggang adalah sebanyak 55 orang atau 40.4%. Sebanyak 44 orang atau 32.4% lagi responden menyatakan tidak pasti dan sebanyak 17 orang iaitu 12.5% menyatakan akan kehilangan kerja. Terdapat 9 orang atau 6.6% responden menyatakan mereka berkemungkinan akan gagal untuk memberikan contoh yang terbaik sebagai saudara baru dan 7 orang lagi iaitu 5.1% menyatakan tidak mahir berbahasa Melayu serta sebanyak 4 orang atau 2.9% pula menyatakan mereka akan menghadapi kesukaran untuk bergaul dengan orang Islam. Daripada butiran di atas, penulis melihat para pendakwah perlu menjelaskan dengan terperinci bahawa ajaran Islam amat mementingkan hubungan dan ikatan kekeluargaan. Islam tidak sekali-kali membenarkan usaha-usaha pihak tertentu yang cuba memutuskan hubungan kekeluargaan sedia ada walaupun berlainan agama. Pendakwah perlu berperanan supaya dapat menggeratkan tali hubungan kekeluargaan dalam apa cara jua pun. Kesilapan yang kerap terjadi apabila tidak dijelaskan ajaran Islam sebenar kepada masyarakat bukan Islam, tidak mempamerkan nilai-nilai ajaran Islam, tidak memahami aspek-aspek pergaulan sesama manusia berbeza budaya, kerana Islam meletakkan nilai 'taqwa' sahaja yang membezakan sesama manusia bukannya pangkat, kekayaan, bangsa, budaya dan pemilikan harta. Meskipun berlainan bangsa tetapi menjadi penganut Islam yang baik pasti akan melahirkan ikatan kesepaduan yang baik dan aman antara masyarakat berlainan pegangan.

Persepsi Terhadap Sumber Kefahaman Islam

Jadual 9 :Sumber Penerimaan Gambaran Tentang Islam

	Bil.	Peratus
Kajian sendiri	14	10
Perbincangan dengan rakan Islam	52	38
Perbincangan dengan rakan bukan Islam	14	10
Media massa dan cetak	48	36
Pendakwah yang datang melawat	8	6
Jumlah	136	100

Pada masa yang sama, penulis mendapati terdapat ruang dan tindak balas yang baik daripada etnik Penan Non Muslim untuk mengenali Islam dengan cara yang lebih dekat. Hal ini kerana penulis menemui ada dalam kalangan etnik Penan Non Muslim yang ingin mengetahui tentang Islam menerusi pergaulan dan perbincangan mereka dengan etnik Islam (38%), termasuk juga melalui media massa dan cetak (36%). Malahan ada di antara mereka yang mendapat sumber atau maklumat tentang Islam melalui kajian mereka sendiri (10%), berbincang sesama rakan yang Non Muslim dan bertanyakan kepada pendakwah yang datang berkunjung ke perkampungan mereka (6%). Dalam situasi ini, pendakwah perlu mengutamakan dakwah bil hal seperti bergaul dan berinteraksi dengan mereka supaya dapat menyemai dan membajai maklumat berkenaan kefahaman Islam kepada mereka secara terus. Perlu juga diperjelaskan Islam adalah agama milik semua manusia tanpa mengira bangsa, Islam bukan milik Melayu, Arab, Melanau, Iban, Cina, India dan kaum-kaum lain di dunia ini, tetapi Islam itu adalah agama yang bersifat universal dan milik semua manusia. Masyarakat bukan Islam berhak mengkaji kandungan-kandungan dan ajaran yang terdapat dalam Islam sama seperti masyarakat Islam berhak melihat dan mengkaji ajaran yang terdapat dalam agama lain untuk memperoleh maklumat dan mencari titik-titik persamaan agar keamanan dan keharmonian sentiasa wujud antara kaum serta menghapuskan nilai-nilai negatif, prejudis, etnosentrisme, diskriminasi, rasis dan sikap pentingkan diri sendiri.

Persepsi Terhadap Penggunaan Istilah Islam

Jadual 10 :Penggunaan Istilah Islam

	Bil.	Peratus
Ya	130	95.6
Tidak	6	4.4
Jumlah	136	100

Berdasarkan Jadual 10 di atas, dapatan kajian menunjukkan responden yang menyatakan ya mereka pernah mendengar istilah Islam adalah sebanyak 130

orang atau 95.6%. berbanding dengan responden yang menyatakan tidak pernah mendengar istilah Islam iaitu 6 orang atau 4.4%. Situasi ini pada pemerhatian pengkaji menggambarkan etnik Penan sudah biasa mendengar perkataan atau istilah Islam. Ia bukan merupakan masalah apabila disebutkan perkataan atau istilah Islam di hadapan mereka. Penulis juga melihat peranan media massa, media cetak dan elektronik, kemajuan media-media sosial, *Whatsapp*, *Telegram*, *Facebook*, *Website*, *Twitter* dan lain-lain turut membantu masyarakat bukan Islam melalui diskusi-diskusi dan dialog-dialog sesama rakan media sosial tanpa prejudis dan rasis. Platform media sosial ini berupaya memberi kefahaman Islam kepada rakan-rakan bukan Islam terutama dalam era digital dan teknologi ini.

Persepsi Terhadap Penerimaan Istilah Islam (Sumber)

Jadual 11 :Penerimaan Istilah Islam (Sumber)

	Bil.	Peratus
TV, radio, CD, VCD	69	52.7
Ceramah, seminar, kuliah	6	4.6
Buku, akhbar, majalah	4	3.1
Kawan	23	17.6
Keluarga yang telah memeluk Islam	29	22.1
Jumlah	136	100

Pada keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa etnik Penan Non Muslim yang diajukan persoalan dari mana mereka memperoleh maklumat atau sumber tentang penggunaan istilah Islam, sebahagian besar responden menyatakan mereka mendengar istilah Islam daripada media elektronik sebanyak 69 orang atau 52.7%, diikuti dengan responden yang menyatakan mereka mendengar istilah Islam daripada keluarga yang telah memeluk Islam sebanyak 29 orang atau 22.1% dan daripada kawan sebanyak 23 orang atau 17.6%. Peratusan ini menunjukkan angka yang lebih tinggi berbanding dengan responden yang menyatakan mereka mendengar istilah Islam daripada ceramah, seminar, kuliah seperti kuliah maghrib, subuh dan lain-lain adalah sebanyak 6 orang atau 4.6% dan daripada buku, akhbar atau jumlah sebanyak 4 orang atau 3.1%. Alaf 21 adalah abad yang berbeza dengan abad-abad sebelum ini terutama dalam prospek perkembangan teknologi maklumat dan peralatan moden komunikasi antaranya maklumat atas talian tanpa wayar. Penyebaran dan penyaluran maklumat setara dengan kemajuan teknologi ini hinggalah isu-isu yang terjadi di luar negara dapat diperoleh dalam masa yang agak singkat. Samalah halnya dengan sumber-sumber yang diperoleh masyarakat bukan Islam seperti etnik Penan yang bukan Islam memperoleh sumber maklumat berkaitan Islam dan ajarannya dengan cepat, mudah diterima, dibaca dan difahami yang mana tiada lagi alasan untuk mengatakan mereka (*non muslim*) tidak pernah mendengar atau mengetahui tentang Islam. Semua persoalan tentang Islam boleh diketahui dengan menggunakan mana-mana aplikasi dan media cetak atau elektronik

dengan pantas dan sekali tekan sahaja berduyun-duyun maklumat akan diperoleh.

KESIMPULAN

Keberkesanan dakwah bergantung kepada pelbagai aspek terutama pendekatan pendakwah menyampaikan mesej secara penuh hikmah⁴. Ia meliputi metodologi dakwah, psikologi dakwah, kaunseling dakwah, ilmu dakwah bil hal dan dakwah bil naqli. Pendekatan sistematik turut berperanan dalam memberi kesan positif seperti memahami sumber, mauduk dan manhaj dakwah terhadap sasaran dakwah (mad'u). Berdasarkan huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa mendekati etnik Penan Non Muslim bukanlah suatu perkara yang mustahil, asalkan para pendakwah dapat menggunakan kebijaksanaan berdakwah, berkomunikasi secara baik, di sampingkan menyampaikan aspek-aspek pengajaran yang baik dalam Islam seperti aspek hubungan antara ahli keluarga yang berbeza agama tetapi tidak ada masalah berhubungan antara satu sama lain. Pengalaman pengkaji sendiri membuktikan etnik Penan ini bersikap ramah menyambut tetamu dan memahami tujuan kedatangan pengkaji serta sanggup berada bersama, mendengar dan bertukar-tukar maklumat. Apa yang penting sebagai pendakwah jauhi sifat prasangka atau akhlak buruk, rasisme, etnosentrisme, diskriminasi, penyampaian ajaran Islam yang mengelirukan dan pandangan peribadi pengkaji, etnik Penan ini lebih mudah didekati dengan menunjukkan contoh teladan atau dakwah bil hal kepada masyarakat mereka lantaran ia lebih mudah difahami dan diikuti. Malahan sebahagian responden menyatakan penerimaan budaya mereka atau memahami falsafah akulturasi, asimilasi dan akomodasi serta amalgamasi akan memudahkan dalam aspek mendekati dan memahami kehidupan realiti mereka (Penan).

⁴ Hikmah boleh diertikan sebagai menguasai ilmu yang tinggi dan berkeupayaan menyelesaikan segala halangan dan rintangan dakwah secara profesional dan berhikmah (Zulkiplie Abd.Ghani. 2002).

RUJUKAN

- Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff. (2016). Kursus TITASMOOC Dalam Platform 'Openlearning' Di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor ; Tumpuan Kepada Konsep, Pelaksanaan Dan Wadah Kesatuan Mahasiswa Pelbagai Bangsa. *Journal of Muslim Affairs (UMRAN)*. Volume 2, Number 1. ISSN 2289-8654-Special Issue : UNITY. Terbitan YADIM. Kuala Lumpur. hal : 1-11
- Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff. (2015). Budaya Membaca Belia Orang Ulu Di Limbang Sarawak. *Malaysia Journal Of Youth Studies*. Volume 12, Jun. Terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. ISSN 2180-1649. Hal : 207-228
- Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff. (2014). Interaksi Sosial Belia Islam Komuniti Penan Di Bintulu, Sarawak. *Malaysia Journal Of Youth Studies*. Volume 11, Dec. Terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Beklia Malaysia. ISSN 2180-1649. Hal : 155-165
- Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff. (2003). *Kursus tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian terhadap sikap pelajar bumiputera non muslim di Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor*. Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Farhana Idris, Dr. Zamri Ariffin & Zainuddin Ismail. (2007). *Persepsi dan sikap pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat Negeri Johor terhadap mata pelajaran Bahasa Arab*. Fakulti Pengajian Islam. Penerbit UKM. Bangi, Selangor. Prosiding Kolokium Siswazah (Siri III) 2007.
- Haron Din. Dr. (1990). *Manusia dan Islam*. c.2. Ed.1. Kuala Lumpur : Penerbit Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hasan Mat Nor. T.T. *Warga pribumi menghadapi cabaran pembangunan*, Kertas Kerja Jabatan Antropologi Dan Sosiologi UKM. Bil.8
- Hamdani Kasah. (2014). Mudir Madrasah Darul Ulum. *Penekanan Dakwah Melalui Tunas Islam*. Temu bual 31 Oktober.
- Ismawi B.Ishak. (2013). Penolong Pegawai Tadbir HIKMAH Cawangan Bintulu. *Gerakan dakwah terhadap etnik perdalaman Sarawak*. Temu Bual 30 November
- Jayl Langub. (Dec 1989). Some Aspect Of Life The Penan, *The Sarawak Museum Journal*. The Museum. Kuching, Sarawak. No.61.
- Jayl Langub. (Dec 1995). Penan Marriage Customs : A General Description. *Sarawak Gazette Journal*. V.CXXII. No.1534.
- Jayl Langub. (Julai 1992). Some Eastern Penan Tradisional Prayers. *The Sarawak Gazette Journal*. No.1520. Vol.CXIX. Kuching, Sarawak.

- Khaidir Ahmad. (1993). *Selamatkan kaum Penan*. c.1. Kuala Lumpur: Penerbit Berita Publishing Sdn.Bhd.
- Khalipah B. (Juli. 2013). Pegawai Agama Islam (JAIS) Bahagian Bintulu Sarawak .Dakwah Melalui Program Bagi Mendekati Saudara Kita. Temu bual 2.November.
- Krech David, R.S Crutchfield & E.L Ballachey. (1962). *Individual in society: A textbook of social psychology*. New York:Mc Graw Hill Book Company Inc.
- Rutter. (1985). *The Pagan Of North Borneo*. Singapore-Oxford-New York: Penerbit Oxford University Press.
- Ryan. (1972). *The Cultural Heritage of Malaya*, Ed. ke.2. Kuala Lumpur:Penerbit Longman Malaysia Berhad.
- Mohd Asri B.Suratman. (2000). *Sikap pelajar aliran teknik di Perak terhadap mata pelajaran Sejarah*. Kuala Lumpur. Bahan Tidak Terbit. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
- Mohamad Yacop b.Mohamad Junit. (2016). *Peranan dan aktiviti dakwah JIM terhadap komuniti Bintulu*. Temubual. 4 November
- Norhayati Bt.Abdullah. Hjh. (2008). Pengerusi MACMA Cawangan Bintulu. *Aktiviti dan Dakwah MACMA Kepada Etnik Cina Bintulu*. Temubual 3 November
- Sallehuddin B.Abu Samah. (2010). *Peranan Bintulu Iqra' Centre (BIC) Dalam Dakwah Kepada Saudara Kita*. Temu bual 30 Oktober.
- Yuh B.Menjuai. (2007). Ketua Kampung Penan Yuh Suburbun Jaya. *Organisasi Dakwah Yang Kerap Mengunjungi Perkampungan Penan*. Temu Bual, 24, 25 & 29 Mac.
- Taibi Abd Kadir Hj. (2007) . Pendakwah Sukarelawan Di Kg Penan Yuh Suburbun Jaya. 15 April & 6 September
- Zulkiplie Abd.Ghani. (2002). Dakwah terhadap golongan bermasalah di penjara. *Wahana ilmiah dakwah kepada masyarakat muslim di Malaysia*. c. 1. Selangor : Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. UKM.

Profil Penulis :***Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Ph.D****Pensyarah Kanan**Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan**Fakulti Ekologi Manusia**Universiti Putra Malaysia**ahmadnasir@upm.edu.my*